



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kos Pembinaan (Tidak Termasuk Kos Faedah) Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT2) Berjaya Dikurangkan Sebanyak RM8.82 Bilion Atau 22.4%, Daripada RM39.35 Bilion Kepada RM30.53 Bilion

Kementerian Kewangan (MOF) mengumumkan bahawa projek Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT2) akan diteruskan oleh MMC-Gamuda selepas syarikat itu bersetuju memberikan potongan kos yang lebih besar. Sebelum ini, MMC-Gamuda telah bersetuju memberikan potongan kos sebanyak RM5.22 bilion untuk kerja-kerja atas tanah, yang diterima oleh MOF. Akan tetapi MMC-Gamuda hanya tawarkan potongan sebanyak RM2.13 bilion untuk kerja-kerja bawah tanah, yang tidak dipersetujui oleh MOF.

Itulah sebabnya kontrak kerja bawah tanah ditamatkan. Akhirnya selepas YB Menteri Kewangan diminta oleh YAB Perdana Menteri, untuk merundingkan sendiri perkara ini buat kali terakhir dengan MMC-Gamuda, syarikat itu telah bersetuju dengan cadangan MOF untuk menambahkan lagi potongan kos untuk kerja bawah tanah daripada RM2.13 bilion kepada RM3.6 bilion.

Ini bermakna kos pembinaan (tidak termasuk kos faedah, kos pengambilan tanah dan kos-kos lain) MRT2 berjaya dikurangkan sebanyak RM8.82 bilion atau 22.4% daripada RM39.35 bilion kepada RM30.53 bilion. MOF ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad atas keprihatinan beliau dalam perkara ini.

Dalam mesyuarat hari ini, Jemaah Menteri telahpun bersetuju dengan tawaran baru oleh MMC-Gamuda dan kos rasionalisasi yang berjaya dijalankan oleh MOF. Bilangan stesen atas tanah MRT2 terus dikekalkan, kecuali dua buah stesen bawah tanah – Bandar Malaysia (Utara) dan Bandar Malaysia (Selatan) - akan ditangguhkan. Jumlah stesen sekarang ialah 33 stesen berbanding 35 stesen di dalam rancangan asal.

Projek transit aliran deras atau Mass Rapid Transit (MRT) adalah projek strategik Kerajaan Persekutuan yang dijalankan untuk mempertingkatkan ketersambungan (*connectivity*) pengangkutan rel awam di Lembah Klang. Projek MRT2 secara khususnya akan memenuhi keperluan penduduk Lembah Klang yang masih tidak dihubungkan dengan sistem rel. Ia menawarkan perkhidmatan MRT di sepanjang koridor berkepadatan tinggi yang menghubungkan Sungai Buloh dengan Serdang dan Putrajaya.

Seperti yang telah diumumkan pada 7 Oktober 2018, Jemaah Menteri pada 3 Oktober 2018 telah meluluskan penerusan kerja pembinaan atas tanah MRT2 oleh MMC-Gamuda sebagai turnkey contractor dengan kos RM17.42 bilion berbanding dengan

kos asal RM22.64 bilion. Ini merupakan satu penjimatan sebanyak RM5.22 bilion atau 23% berbanding kos asal kerja atas tanah.

Pada masa yang sama, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya kontrak kerja-kerja bawah tanah yang bernilai RM16.71 bilion ditamatkan dan kerja-kerja yang belum siap ditender semula. Ini adalah kerana Kerajaan Persekutuan dan MMC-Gamuda telah gagal mencapai persetujuan dan penyelesaian untuk kos kerja-kerja bawah tanah.

Susulan daripada keputusan di atas, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk merunding semula atas rayuan daripada pihak MMC-Gamuda. Rundingan terakhir bersama MOF yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan telah diadakan pada 22 Oktober 2018 dan tawaran baru dengan penurunan kos sebanyak RM3.6 billion atau 21.5% untuk kerja-kerja bawah tanah telah dipersetujui oleh pihak syarikat dan MOF.

Berikutan daripada persetujuan itu, Jemaah Menteri telah menerima dan meluluskan tawaran terkini daripada MMC-Gamuda pada pagi ini. Oleh yang demikian, keputusan untuk menamatkan kontrak kerja-kerja bawah tanah ditarik balik dan MMC-Gamuda akan meneruskan projek ini dengan kos sebanyak RM13.11 bilion. Dengan itu, kos kontrak pembinaan MRT2 dapat dikurangkan sebanyak RM8.82 bilion dari RM39.35 bilion kepada RM30.53 bilion.

Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan “value for money” untuk semua perbelanjaan kerajaan, terutamanya apabila sesuatu projek tersebut melibatkan pinjaman yang besar.

Penjimatan kos pembinaan projek ini sebanyak RM8.82 bilion atau 22.4% juga akan mengurangkan kadar tambang yang perlu dibayar oleh pengguna MRT pada masa depan, sekaligus meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di kalangan penduduk Lembah Klang.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
26 Oktober 2018